

Musa pengerusi sidang J-kuasa disiplin UMNO

KUALA LUMPUR, Khamis — Jawatankuasa Disiplin UMNO Malaysia akan bermesyuarat tidak lama lagi untuk mengambil tindakan terhadap ahli-ahli yang menyokong calon pembangkang dalam pilihanraya umum lalu, kata Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar hari ini.

Beliau memberitahu, Ibu pejabat UMNO masih menerima laporan-laporan dari Bahagian-bahagian mengenai kedudukan tersebut.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam akan mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Beliau kini dalam rangka lawatan ke Eropah selama dua minggu.

"Setelah siap laporan tersebut, saya akan menghubungi Datuk Musa untuk menetapkan tarikh mesyuarat berkenaan setelah beliau kembali kelak," katanya.

Bagaimanapun, Senator Datuk Haji Mustafa berkata, tidak ramai ahli-ahli UMNO yang terlibat dalam memberi sokongan kepada parti lawan dalam pilihanraya umum lalu.

"Ini disebabkan ahli-

ahli UMNO keseluruhannya patuh dengan pucuk pimpinan parti," jelas beliau.

Mengenai mesyuarat perwakilan Bahagian-bahagian beliau berkata, Bahagian-bahagian boleh memulakan mesyuarat masing-masing pada 20 Mei ini hingga 10 Ogos.

Beliau berkata, pada pandangan beliau mesyuarat perwakilan kali ini akan berjalan dengan tenang dan lancar.

"Saya fikir tidak ramai yang ingin merebut jawatan Ketua atau Naib Ketua selepas pilihanraya ini kerana peristiwa besar telah pun berlaku," ujar beliau.